



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

SOALAN LAZIM BERKAITAN SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) (SELANGOR, W.P. KUALA LUMPUR & W.P PUTRAJAYA)

14 - 27 OKTOBER 2020

1

KAWASAN TERLIBAT

Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya mulai 14 - 27 Oktober 2020.



2

AKTIVITI EKONOMI (DIBENARKAN)



HOTEL DAN HOMESTAY

- Penginapan.
- Spa.
- Restoran.
 - F&B, Lounge
 - Dine -in (2 orang/meja)
 - Galakkan *room service*, *take away* dan *delivery*.
- Kolam renang.
- Gym.
- Bilik seminar.
- Dewan.



SPA, PUSAT URUT KAKI, WELLNESS DAN REFLEKSOLOGI

- SOP Sedia ada.



SYARIKAT PELANCONGAN

- SOP Sedia ada.



PERNIAGAAN HASIL SENI KRAFTANGAN

- SOP Sedia ada.












KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA MALAYSIA

SOALAN LAZIM BERKAITAN SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) (SELANGOR, W.P. KUALA LUMPUR & W.P. PUTRAJAYA)

14 - 27 OKTOBER 2020



3

AKTIVITI EKONOMI (TIDAK DIBENARKAN)

-  Perhimpunan Ramai.
-  Bukan Ekonomi.
-  Hiburan.
-  Pelancongan Domestik dan Luar Negara.
-  Pusat Hiburan Keluarga dan Taman Tema.
-  MICE dan *Travel Fairs / Marts*.
-  Pameran Hasil Seni & Warisan (Arkib, Muzium, Perpustakaan).
-  *Live Show* Persembahan Kebudayaan secara fizikal.
-  Institut Latihan Pelancongan.

4

PEKERJA SEKTOR PELANCONGAN & KEBUDAYAAN

-  Keluar bekerja.
-  Hanya tunjuk pas kerja ATAU surat kebenaran majikan (rentas daerah / negeri berlainan).

5

CUTI-CUTI MALAYSIA

-  Pelancongan Domestik ke luar / masuk kawasan PKPB.



6

WAKTU OPERASI TERHAD

6.00 pagi – 10.00 malam
• Restoran



Waktu Operasi seperti SOP sedia ada
• Syarikat Pelancongan
• SPA, PUK, *Wellness* dan Refleksologi
• Kedai Seni dan Kraf



SOALAN LAZIM (FAQ)
BERKAITAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
(SELANGOR, W.P. KUALA LUMPUR & W.P. PUTRAJAYA)
14 - 27 OKTOBER 2020

SEKTOR PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

1. **Industri pelancongan dan kebudayaan di kawasan manakah yang terlibat dengan PKPB mulai 14 - 27 Oktober 2020?**

Industri pelancongan dan kebudayaan yang terkesan dengan PKPB yang diumumkan oleh Kerajaan berkuat kuasa mulai 14 Oktober 2020 sehingga 27 Oktober 2020 adalah melibatkan seluruh Negeri **Selangor, W.P. Kuala Lumpur dan W.P. Putrajaya.**

2. **Apakah aktiviti ekonomi yang dibenarkan dan tidak dibenarkan di bawah sektor pelancongan dan kebudayaan sepanjang tempoh PKPB ini?**

A. Aktiviti dibenarkan:

- i. Hotel dan *Homestay* (fasiliti terhad kepada bilik penginapan, spa, sauna, kedai dan restoran (termasuk perkhidmatan F&B di pub & lounge) secara *dine-in* (2 orang satu meja sahaja), *room service*, *take away* atau *delivery* dari 6 pagi sehingga 10 malam sahaja);
- ii. SPA, Pusat Urut Kaki, Wellness dan Refleksologi berdasarkan SOP sedia ada;
- iii. Syarikat Pelancongan berdasarkan SOP sedia ada; dan
- iv. Perniagaan Hasil Seni Kraftangan.

B. Aktiviti tidak dibenarkan (perhimpunan orang ramai/aktiviti bukan ekonomi/hiburan):

- i. Pelancongan Domestik dan Luar Negara;
- ii. Aktiviti hiburan di Pusat Hiburan Keluarga dan Taman Tema;
- iii. MICE dan *Travel Fairs / Marts*;
- iv. Pameran Hasil Seni & Warisan (Arkib, Muzium, Perpustakaan);
- v. *Live Show* Persembahan Kebudayaan secara fizikal; dan
- vi. Institut Latihan Pelancongan.

3. **Bolehkah saya sebagai seorang pekerja keluar rumah dalam tempoh ini?**

Boleh. Keluar bagi urusan kerja di bawah aktiviti sektor pelancongan adalah dibenarkan selagimana **aktiviti tersebut tidak** disenaraikan di bawah **Senarai Negatif SOP PKPB.**

4. **Sejauh manakah saya boleh bergerak bagi tujuan kerja?**

Secara asasnya, **pergerakan rentas daerah keluar dan masuk kawasan PKPB bagi tujuan kerja di bawah aktiviti ekonomi sektor pelancongan yang dibenarkan untuk beroperasi adalah dibenarkan.** Pekerja perlu menunjukkan **pas pekerja ATAU surat kebenaran majikan.** Bagi pekerja dari dalam **daerah yang sama,** mereka tidak perlu mengemukakan surat majikan atau pas pekerja.

5. **Adakah saya boleh membawa keluarga mengunjungi taman tema dan pusat hiburan keluarga di dalam dan di luar kawasan PKPB?**

Tidak. Aktiviti-aktiviti yang melibatkan perhimpunan orang ramai serta aktiviti pelancongan domestik adalah **tidak dibenarkan** sepanjang tempoh PKPB.

6. **Adakah premis-premis sektor kebudayaan seperti Muzium, Perpustakaan, Galeri dan lain-lain premis pameran serta persembahan seni, budaya dan warisan masih boleh dikunjungi semasa tempoh PKPB ini?**

Tidak. Kesemua premis tersebut **tidak beroperasi** sepanjang tempoh PKPB ini.

7. **Bolehkah saya pergi bercuti di daerah / negeri yang lain?**

Tidak. Aktiviti pelancongan domestik **tidak dibenarkan** sepanjang tempoh PKPB memandangkan pergerakan keluar / masuk dari / ke kawasan PKPB ini adalah terhad dan terkawal.

8. **Adakah hotel dan *homestay* boleh beroperasi dalam tempoh PKPB ini?**

Boleh. Walau bagaimanapun, penginapan di hotel dan *homestay* adalah **terhad** bagi urusan rasmi, kerja, kecemasan dan lain-lain tujuan berkaitan sahaja, **tidak termasuk** bagi tujuan **pelancongan domestik** dan aktiviti-aktiviti di bawah **senarai negatif SOP PKPB.**

9. **Apakah perkhidmatan yang dibenarkan di hotel dan *homestay* sepanjang tempoh PKPB?**

Perkhidmatan yang dibenarkan adalah **spa, sauna, kedai dan restoran** (termasuk pub dan *lounge* bagi F&B sahaja). Perkhidmatan restoran adalah digalakkan secara **room service, take away dan delivery**, manakala perkhidmatan **dine-in** hanya **dibenarkan** **terhad kepada maksima 2 orang sahaja bagi setiap meja**. Perkhidmatan **bilik seminar dan dewan** bagi tujuan **bengkel / persidangan / mesyuarat / kursus** dan lain-lain aktiviti melibatkan orang ramai adalah **tidak dibenarkan**.

10. **Adakah saya boleh menggunakan kolam renang, *gym*, bilik seminar dan dewan semasa menginap di hotel?**

Tidak.

11. **Saya mempunyai temujanji bagi perkhidmatan spa dalam tempoh PKPB, adakah saya masih boleh ke premis SPA yang berada di dalam daerah yang sama untuk memenuhi temujanji ini?**

Boleh. SPA / Pusat Urus Kaki / *Wellness* / Refleksologi dibenarkan beroperasi dalam tempoh PKPB ini dengan pematuhan SOP sedia ada. Kehadiran di premis perniagaan luar daerah / negeri berlainan perlu mendapatkan **kebenaran rentas daerah / negeri** daripada pihak PDRM.

12. **Adakah terdapat sekatan masa yang ditetapkan untuk pemilik perniagaan yang dibenarkan melakukan operasi perniagaan?**

Restoran di hotel / *homestay* dibenarkan beroperasi dari **6 pagi hingga 10 malam**. Waktu operasi bagi Syarikat Pelancongan dan perniagaan SPA, PUK, *Wellness* dan Refleksologi adalah tertakluk kepada **SOP sedia ada**.

13. **Bolehkah saya berkaraoke di pusat karaoke keluarga?**

Tidak. Aktiviti ini **dilarang** sepanjang PKPB kerana berada di bawah kategori hiburan sepertimana **senarai negatif SOP PKPB**.

14. **Saya pemilik syarikat pelancongan. Adakah perniagaan saya masih boleh beroperasi sepanjang tempoh PKPB ini?**

Boleh. Aktiviti ekonomi masih dibenarkan beroperasi sepanjang PKPB ini dengan pematuhan SOP sedia ada.

15. Adakah saya boleh mengunjungi premis kebudayaan untuk menyaksikan persembahan kebudayaan atau pameran bersama keluarga/ rakan-rakan?

Tidak. Aktiviti ini dilarang sepanjang PKPB ini sepertimana **senarai negatif SOP PKPB.**

16. Adakah aktiviti MICE / kursus / latihan / persidangan / mesyuarat / travel fairs dibenarkan?

Tidak. Aktiviti ini dilarang sepanjang PKPB ini sepertimana **senarai negatif SOP PKPB.**

17. Adakah saya masih boleh melakukan aktiviti sukan / riadah lasak atau ekstrem semasa PKPB ini?

Boleh. Tertakluk kepada **aktiviti tidak bersentuhan dan tidak melebihi 10 orang.**

18. Saya telah melancong/ bercuti sebelum PKPB dilaksanakan. Adakah saya boleh pulang semula ke Putrajaya, Selangor dan Kuala Lumpur dalam tempoh PKPB ?

Boleh. Mana – mana individu yang berasal dari kawasan PKPB dibenarkan untuk pulang ke kawasan tersebut dengan kebenaran PDRM.

Catatan:

- 1) *Adalah menjadi tanggungjawab bersama semua pihak - individu, badan, persatuan sukan, syarikat / operator fasiliti terbuka untuk memahami dan mematuhi semua arahan semasa pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan juga SOP Pencegahan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk kita sama-sama mengurangkan risiko dan membendung penularan pandemik COVID-19 ini.*
- 2) *Sebarang perubahan terkini sejajar dengan arahan terbaru pihak MKN dan KKM akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.*

**KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA
14 OKTOBER 2020**